


Kalium-40

written by Saarani Vengadesen | 16/05/2023



Kalium-40



Kepekatan K-40 dalam badan manusia adalah lebih kurang **55 Becquerel per kg.**

Berkadar terus dengan dos radiasi efektif tahunan sebanyak **0.2 mSv.**

Tahukah anda? Didalam badan manusia terdapat elemen radioaktif semula jadi iaitu **Kalium-40 (K-40).**



K-40 adalah isotop radioaktif kepada Kalium, iaitu **0.012%** daripada kesemua elemen Kalium semula jadi yang terdapat di muka bumi ini.

Seorang lelaki dewasa dengan berat 70 kg mempunyai lebih kurang **126 g** Kalium (0.18%), kebanyakannya terdapat dalam **otot-otot.**

Sepuluh hayat K-40 adalah sepanjang **1,251,000,000** tahun lamanya!



Kalium adalah nutrient penting yang diperlukan dalam **mengawal keseimbangan cecair badan, mengawal selia pengecutan otot dan signal saraf.** Ia boleh diperolehi daripada sumber makanan seperti pisang.



Namun jangan bimbang! Untuk mendapat dos radiasi yang membahayakan dari pisang, memerlukan kita untuk memakan sebanyak **50,000,000 pisang** dalam satu masa.

